



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 23 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TABUNG BANTU BENCANA AGROMAKANAN BANTU PENTERNAK, PETANI, TERJEJAS, ONLINE, SH	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	KERAJAAN HILANG HASIL RM1.5J SEBULAN, NASIONAL, BH -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	HARGA BENIH PADI SAH DITETAPKAN RM35 BAGI 20KG, ONLINE, BH	INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
4.	AGRICULTURE MINISTER: RICE SEEDINGS CANNOT EXCEED RM35, ONLINE, CHINA PRESS	
5.	HARGA BENIH PADI SAH RM35 UNTUK 20KG, NASIONAL, BH -16	
6.	HAPUS HARGA TIDAK LOGIK, LOKAL, HM -17	
7.	HARGA SILING BENIH PADI SAH TAHUN DEPAN, NASIONAL, SH -7	
8.	BERNAS PRIHATIN NASIB GOLONGAN MEMERLUKAN, NEGERI PAHANG/JOHOR, SH -24	
9.	BANTUAN BERNAS YANG AMAT BERMAKNA, DALAM NEGERI, UM -29	
10.	KENAL PASTI DALANG KARTEL SELUDUP DAGING, LOKAL, HM -9	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11.	KPNHEP TRACKS DOWN ILLEGAL MEAT CARTEL ENSURES MEAT IN MARKET SAFE, ONLINE, THE MALAYSIA RESERVE	
12.	MAQIS RAMPAS 175KG LIMAU, NEGERI KEDAH, SH -27	
13.	MAQIS RAMPAS 175KG LIMAU DARI THAILAND, NEGARA, KOSMO -14	
14.	DALANG KARTEL DAGING DIDEAH TAK LAMA LAGI, NASIONAL, SH -10	
15.	GUNA PELABUHAN NEGARA JIRAN TRANSIT BEKALAN, NASIONAL, BH -7	
16.	PDRM SAHKAN SELUDUP DAGING SEJUK BEKU BERLELUASA DI SEMPADAN, NASIONAL, BH -7	
17.	PEGAGA SUMBER REZEKI BESARKAN EMAPT ANAK, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN
18.	BANJIR, HAIWAN LIAR ANCAM PENANAMAN PISANG, DALAM NEGERI, UM -32	
19.	PENGUSAHA SERAI RUGI RM15,000 AKIBAT BANJIR, NEGARA, KOSMO -12	
20.	TEKNOLOGI CILI FERTIGASI E-SATELIT JANA PENDAPATAN BERGANDA, DALAM NEGERI, UM -32	
21.	KL TRADERS GROUP 'WONT SELL BEEF', NEWS/STORY OF THE DAY, NST -6	
22.	DRON BOLEH POPULAR MACAM FB, RENCANA, UM -16	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kerajaan hilang hasil RM1.5j sebulan

Kuala Lumpur: Kerajaan dianggarkan kehilangan hasil kira-kira RM1.5 juta sebulan akibat ketirisan fi akibat kegiatan penyeludupan bekalan daging ke negara ini oleh kartel.

Difahamkan, syarikat kartel bergiat aktif menyeludup bekalan daging melalui kapal sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dari negara tidak diiktiraf sebagai pengeksport bahan makanan itu.

Sumber berkata, apabila tiba di pelabuhan, ia akan dipindahkan ke kontena untuk dibawa terus kepada pemborong seperti pasar raya dan pasar harian sebelum dibeli pengguna.

Katanya, kira-kira 300 hingga 400 kontena dikenal pasti digunakan untuk membawa masuk bekalan daging yang diragui status halalnya dari pusat penyeludupan di negara yang tidak diiktiraf setiap bulan.

Antara negara itu ialah Kanada, Brazil, Colombia, Ukraine, Uruguay, Sepanyol, Mexico, Bo-

livia, Paraguay, Hong Kong dan China.

Sedangkan negara diiktiraf pusat penyeludupannya oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah Australia, Argentina, Brazil, India, Afrika Selatan, Pakistan, Jepun, New Zealand dan Amerika Syarikat.

"Ada agensi kerajaan yang perlu mengutip fi di pelabuhan dan apabila berlaku penyeludupan ini, kerajaan kehilangan pendapatan yang banyak.

"Bayangkan, jika kita ambil jumlah minimum 300 kontena yang masuk setiap bulan bagi setiap kilogram (kg) bayaran permit ialah sebanyak 20 sen dan jika didarab dengan 300 dan 28,000 tan (mt), kerajaan rugi sekurang-kurangnya RM1.5 juta sebulan," katanya kepada BH, di sini.

Sumber itu berkata, ada pegawai agensi yang menerima habuan serendah RM150 hingga RM3,000 bagi melepaskan kon-

tena daging dari pusat penyeludupan yang tidak diiktiraf itu.

Beliau berkata, selain itu pegawai awam yang berada di lapangan dipercayai turut menerima habuan kira-kira RM150 hingga RM500 bagi melepaskan setiap kontena.

Katanya, setiap kontena mengandungi 25 tan bekalan daging, termasuk organ lain seperti ekor, hati, tulang dan dibawa ke gudang untuk dipek semula dengan dicop logo halal palsu.

Beliau berkata, selepas itu ia mula diagihkan atau dipasarkan di pasar raya dan pasar utama di negara ini sebelum dibeli pengguna.

"Selain gudang di Johor yang diserbu baru-baru ini, ada gudang di beberapa lokasi lagi di seluruh negara yang dikesan menjalankan kegiatan sama, "katanya.

Beliau berkata, dipercayai antara stok yang dieksport ke negara ini secara haram ialah dari daging kangaru, kuda, malah

lembu, namun dalam kategori haiwan yang tidak berkualiti atau berpenyakit.

Katanya, ini dilakukan berikutan syarikat kartel dapat menjualnya pada harga sehingga 50 peratus lebih murah berbanding daging dari pusat penyembelihan yang disahkan.

"Bayangkan pengguna khususnya umat Islam disajikan dengan bekalan daging seperti ini, ia membabitkan pegangan agama dan jangka masa panjang juga, ia dikuatiri menyebabkan penyakit berbahaya.

"Kita turut menghargai pendedahan berani oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) berhubung permainan kartel ini perlu dipandang serius oleh kerajaan.

"Kita amat menghargai tindakan dibuat PPIM kerana peka terhadap kepentingan pengguna khususnya umat Islam dalam aspek membabitkan pemakanan halal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

TABUNG BANTUAN BENCANA AGROMAKANAN BANTU PENTERNAK, PETANI TERJEJAS



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan dalam usaha membantu pengusaha ikan sangkar yang mengalami kerugian terutama pada musim tengkujuh.

Timbalan Menteri, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM80 juta di bawah tabung terbabit bagi membantu pesawah, petani dan penternak yang kehilangan hasil akibat bencana alam.

"Bayaran di bawah tabung ini bukan bertujuan membayar ganti rugi kerosakan akibat bencana tetapi merupakan bantuan wang ihsan atau input pertanian bagi membantu memulihkan projek petani, penternak (termasuk akuakultur) dan pengusaha berskala kecil untuk meneruskan aktiviti mereka setelah ditimpa bencana.

"Kadar bantuan di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan kepada pengusaha atau penternak akuakultur ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu bantuan maksimum RM3,000 bagi penternak kolam dan pengusaha hatceri, manakala maksimum RM2,400 untuk penternak sangkar," katanya pada persidangan Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Husain Awang yang ingin tahu bentuk bantuan yang disalurkan kepada pengusaha ikan sangkar yang mengalami kerugian terutama pada musim tengkujuh.

Sementara itu, Che Abdullah berkata, pengusaha ikan sangkar yang terjejas juga boleh memohon 'in-kind contribution' seperti bantuan benih dan makanan ikan secara percuma di bawah Program Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPEKS) oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

"Bantuan ini ditawarkan hanya sekali untuk setiap penternak dengan nilai maksimum sebanyak RM10,000," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

HARGA BENIH PADI SAH DITETAPKAN RM35 BAGI 20KG



TANJONG KARANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menetapkan harga maksimum benih padi sah pada harga RM35 bagi setiap 20 kilogram berkuat kuasa musim tanaman pertama, Januari tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata penetapan harga itu bertujuan menghapuskan manipulasi pihak tertentu selain memastikan pesawah mendapat hasil yang tepat.

Beliau berkata, harga berkenaan juga bakal memberi manfaat kepada kira-kira 320,000 pesawah di seluruh Semenanjung.

"Kita sedia maklum, setiap kali musim penanaman padi, isu kelewatan penghantaran benih padi dan harga sekampit benih padi dibeli pesawah tidak dikawal sepenuhnya oleh kementerian menyebabkan ada pesawah membeli 20 kilogram untuk sekampit benih padi yang mencecah harga RM60.

"Oleh itu, kita mengambil langkah bagi memastikan kepentingan pesawah mendapat hasil yang tepat dan memastikan harga sekampit benih padi sah tidak melebihi RM35," katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Pelancaran Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Negeri Selangor di Pusat Belian Padi Sawah Sempadan, di sini.

Beliau berkata pihaknya akan membuka lebih banyak peluang kepada pihak untuk menghasilkan benih padi sah termasuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan syarikat berkaitan kerajaan serta swasta.

"Lesen dan permit akan diberikan kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai harga pemotongan pemutuan padi yang tinggi di IADA Barat Laut Selangor, Ronald menjelaskan kaedah pemutuan padi itu melalui prosedur operasi standard (SOP) yang diperkenalkan kerajaan.

"Pemotongan pemutuan padi berbeza di setiap negeri dan ia berlaku di setiap musim penanaman padi," katanya.

Headline	Agriculture minister: Rice seedlings cannot exceed RM35		
MediaTitle	China Press		
Date	23 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,347
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,041



農長：每20公斤頂價 稻苗不可超過35令吉

（丹絨加弄22日訊）農業及食品工業部長拿督斯里羅南建迪今日宣布稻苗的頂價，限定每20公斤的合法稻苗價格不得超過35令吉，以解決稻苗價格遭操縱的問題，從而減輕農民的負擔。



■ 羅南建迪

他說，上述頂價將於明年初首個稻米種植季節正式實行。

他指出，過去農民向全國農民組織（NAFAS）以外的中介購買稻苗，每20公斤稻苗價格曾炒至60令吉，如今劃設頂價將能讓半島約32萬名農民受惠。

羅南建迪出席合法稻苗分發儀式推介活動後，在記者

會說，稻苗供應已經在雪州開跑，接下來會陸續到霹靂和北馬各州。

另外，全國農民組織主席阿尼斯馬目指出，該組織將向10間獲得合法稻苗出口補貼（IBPS）計劃許可的公司購買稻苗，以減輕農民的成本開銷。

他說，該組織會向相關公司購買約3萬6000公噸的合法稻苗，並準備好成為唯一的稻苗批發商，以上述頂價向農民出售稻苗。

另一方面，受訪農民也樂看待政府為合法稻苗設立頂價的做法，坦言這將有助增加農民的收入。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Harga benih padi sah RM35 untuk 20kg

Pastikan pesawah dapat hasil tepat, hapus manipulasi

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Tanjong Karang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menetapkan harga maksimum benih padi sah pada harga RM35 bagi setiap 20 kilogram (kg) berkuat kuasa musim tanaman pertama, Januari tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata penetapan harga berkenaan bertujuan menghapuskan manipulasi pihak tertentu, selain memastikan pesawah mendapat hasil yang tepat.

Katanya, harga berkenaan juga bakal memberi manfaat kepada kira-kira 320,000 pesawah di seluruh Semenanjung.

"Kita sedia maklum, setiap kali musim penanaman padi, isu kelewatan penghantaran benih padi dan harga sekampit benih padi dibeli pesawah tidak dikawal sepenuhnya oleh kementerian menyebabkan ada pesawah membeli 20 kilogram untuk sekampit benih padi yang mencecah harga RM60."

"Oleh itu, kita mengambil langkah bagi memastikan kepentingan pesawah mendapat hasil yang tepat dan memastikan harga sekampit benih padi sah tidak melebihi RM35," katanya pada



Harga benih padi yang ditetapkan bakal memberi manfaat kepada kira-kira 320,000 pesawah di seluruh Semenanjung.

(Foto hiasan)

sidang media selepas merasmikan Program Pelancaran Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Selangor, di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan membuka lebih banyak peluang kepada pihak untuk menghasilkan benih padi sah termasuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan syarikat berkaitan kerajaan serta swasta.

"Lesen dan permit akan diberikan kepada ejen, individu atau

syarikat yang berdaftar dengan kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai harga pemotongan pemutuan padi yang tinggi di LADA Barat Laut Selangor, beliau menjelaskan kaedah menentukan mutu padi berkenaan melalui prosedur operasi standard (SOP) yang diperkenalkan kerajaan.

"Pemotongan pemutuan padi berbeza di setiap negeri dan ia berlaku di setiap musim penanaman padi," katanya.

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Tanjung Karang

Hapus harga tidak logik

Benih padi ditetapkan RM35 bagi 20kg elak manipulasi lintah darat

Tindakan 'lintah darat' memanipulasi harga benih padi bakal berakhir apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menetapkan harga maksimum benih padi pada harga RM35 bagi setiap 20 kilogram berkuat kuasa mutakhir.

Benih padi pertama, Januari tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata,

harga itu bertujuan menghapuskan harga tidak munasabah ditetapkan pihak tertentu selain memastikan pesawah mendapat hasil yang tepat. Beliau berkata, harga berkenaan juga bakal memberi manfaat kepada kira-kira 320,000 pesawah di seluruh Semenanjung.

"Kita sedia maklum, setiap kali musim penanaman padi ini, isu kelewatan pengantaran benih padi dan harga per kampit benih padi dibeli pesawah tidak dikawal sepenuhnya oleh Kementerian menyebabkan ada pesawah membeli 20 kilogram untuk sekampit benih padi yang mencecah harga RM60.

yang tepat dan memastikan harga per kampit benih padi sah ini tidak melebihi harga RM35 sekampit," katanya.

Beliau mengulas perkara itu selepas merasmikan Program Pelancaran Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Negeri Selangor di Pusat Belian Padi Sawah Sempadan, di sini, semalam.

Katanya lagi, pihaknya akan membuka lebih banyak

motongan pemutuan padi yang tinggi di IADA Barat Laut Selangor, Ronald menjelaskan kaedah pemutuan padi itu melalui prosedur operasi standard (SOP) yang diperkenalkan kerajaan.

"Pemotongan pemutuan padi berbeza di setiap negeri dan ia berlaku di setiap musim penanaman padi.

"Kementerian akan memastikan benih padi sah yang diedar adalah benih yang berkualiti," katanya.



DR. RONALD KHANDA



Harga siling benih padi sah tahun depan

Beri manfaat kepada 320,000 pesawah di Semenanjung

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

TANJONG KARANG

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperkecilkan harga siling benih padi sah pada paras tidak melebihi RM35 bagi 20 kilogram (kg) berkuat kuasa musim tanaman pertama Januari depan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dilantik sebagai pemborong tunggal di bawah program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) untuk membuat pembekalan terus kepada pesawah.

Menurutnya, mekanisme IBPS itu dapat memberi manfaat kepada seramai 320,000 pesawah di seluruh Semenanjung Malaysia selain menyelesaikan masalah manipulasi dalam pembekalan benih padi sah.

"Kita sedia maklum setiap musim (tanaman padi) berlaku isu kelewatan penghantaran benih padi dan harga dibeli pesawah tidak dikawal sehingga dijual



ANIS

RM60 setiap 20kg benih padi," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Selangor di Pusat Belian Padi, Tali Air 3 Ban, Sawah Sempadan di sini pada Selasa.

Ronald berkata, kementeriannya juga akan membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk turut serta dalam penghasilan benih padi sah termasuk

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), syarikat berkaitan kerajaan dan swasta.

"Lesen dan permit akan diberikan kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan.

"Selain itu, kementerian melaksanakan inisiatif lain antaranya penetapan beberapa varieti benih padi sah yang akan dihasilkan syarikat pengeluaran benih padi sah untuk dipilih pesawah dan menyediakan stok penimbun bagi menangani isu kekurangan bekalan," katanya.

Justeru katanya, inisiatif yang diambil itu akan sentiasa dipantau bagi menangani isu manipulasi pihak tertentu.

"Kita akan memastikan kepentingan pesawah diambil perhatian serius dan meningkatkan pendapatan mereka secara keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 72,000 tan metrik benih padi diperlukan bagi dua musim penanaman setahun di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung Malaysia.

"Jumlah ini berdasarkan kepada anggaran keperluan benih padi sebanyak 140kg sehektar," katanya.

Mengulas mengenai rungutan pesawah berhubung pemotongan pemutuan padi melebihi 20 peratus yang dianggap terlalu tinggi, Ronald berkata, kaedah pemutuan sebenar melalui prosedur operasi standard (SOP) diperkenalkan kerajaan bagi menyelesaikan isu kadar potongan yang dikenakan dalam pemutuan padi.

"Pemotongan pemutuan padi berbeza di negeri lain dan isu ini bukan sekali berlaku tetapi berulang pada setiap musim tanaman padi.

"SOP ini bagi memastikan padi dijual adalah padi bersih dan berkualiti serta dapat memastikan kerajaan tidak membayar Subsidi Harga Padi berdasarkan padi kasar yang mengandungi segala komponen tidak diingini, sekali gus mengelakkan ketirisan pembayaran subsidi kerajaan," katanya.



Ronald (Empat dari kiri) bersama wakil-wakil agensi di bawah kementeriannya yang menghadiri Majlis Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Selangor di Pusat Belian Padi, Tali Air 3 Ban, Sawah Sempadan pada Selasa.



Ronald (dua dari kanan) menyerahkan gentiung kepada wakil Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang pada Majlis Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Selangor di Pusat Belian Padi, Tali Air 3 Ban, Sawah Sempadan pada Selasa.



Ronald menerbangkan drone yang digunakan bagi kerja semburan racun dan baja cecair ketika lawatan kerjanya di Sawah Sempadan Tanjong Karang pada Selasa.

REAKSI



Penetapan harga siling benih padi sah amat dinanti dinanti pesawah

kerana sebelum ini kami terpaksa membeli pada harga jauh lebih tinggi dan membebankan". - Pesawah Blok H Sawah Sempadan, Anri Adam, 47

Sebelum ini harga benih padi sah pernah mencecah RM70 bagi 20kg



dan langkah kerajaan memperkenalkan harga siling RM35 setiap 20kg melegakan pesawah terutama dengan masalah pemotongan pemutuan padi tinggi dan sawah diserang penyakit". - Pesawah, Blok K Sawah Sempadan, Abdul Razak Mat Ajir, 73



Saya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan yang amat prihatin

dalam membela nasib pesawah terutama bagi mengurangkan beban membeli benih padi".

- Pesawah, Blok P Sawah Sempadan, Mohamad Ngizi Abd Rashid, 51

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Dr Anis Mahmud berkata, Nafas sudah bersedia menjadi pemborong tunggal bagi membekalkan benih padi sah kepada pesawah pada harga maksimum RM35 setiap 20kg.

Katanya, pihaknya akan membeli bekalan benih padi kepada 10 syarikat berlesen yang telah dikenal pasti untuk dibekalkan kepada pesawah pada musim tanaman kali ini.

"Sebanyak 36,000 benih padi dijangka akan dibekalkan di seluruh Semenanjung pada musim tanaman pertama," katanya.

23/12/2020

SINAR
HARIANNEGERI
PAHANG/
JOHOR

24

Bernas prihatin nasib golongan memerlukan

ROMPIN - Padiberas Nasional Berhad (Bernas) melaksanakan program tanggungjawab sosial (CSR) dengan membantu 100 murid sekolah dan 100 keluarga asnaf sekitar daerah ini.

Sumbangan kepada penerima rata-rata dalam kalangan pesawah dan nelayan itu berupa barangan makanan, wang tunai dan keperluan sekolah.

Eksekutif Operasi Kilang Beras Bernas Rompin, Norsallehudin Adnan berkata, sumbangan itu bagi meringankan beban ditanggung keluarga berpendapatan rendah terutama dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak pada sesi persekolahan akan datang.

Menurutnya, Bernas bekerjasama dengan pihak pengurusan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Pute-ri di sini untuk mengenal pasti senarai murid yang layak untuk menerima sumbangan berkenaan.

"Kita juga mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) untuk senarai keluarga asnaf



Rosniza (tiga dari kiri) bersama kakitangan Bernas menyampaikan sumbangan kepada keluarga Salasiah sempena program penyerahan sumbangan Bernas kepada penduduk sekitar Rompin pada Selasa.

yang layak untuk menerima bantuan," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan sumbangan berkenaan di Kampung Simpang Sempayang di sini pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Bernas, Rosniza Baharum.

Sementara itu, Rosniza berkata, Rompin menjadi lokasi pertama untuk Program Kembali ke Sekolah Bernas.

"Sumbangan ini diharapkan dapat menceriaakan pelajar terlibat dan menyuntik semangat mereka untuk mengikuti sesi persekolahan tahun hadapan.

"Selain membantu golongan memerlukan, program ini juga menjadi platform kepada Bernas untuk menyatuni masyarakat terutama golongan pesawah," katanya.

Dalam pada itu, penerima sumbangan, Halijah Dahlan, 61, dari Kampung Simpang Sempayang di sini berkata, dia terharu dan berterima kasih atas keprihatinan Bernas terhadap

nasib golongan pesawah seper-tinya.

Menurutnya, kebanyakan pesawah di kawasan itu terjejas teruk apabila hasil padi merosot akibat serangan ulat dan haiwan perosak sejak beberapa musim lalu.

"Macam-macam masalah timbul menyebabkan padi tidak menjadi, sekali gus menjejaskan pendapatan petani di sini.

"Untuk setiap lot sawah pada satu-satu musim, modalnya mencecah RM4,000 dan adakala hasil tuaian padi langsung tidak balik modal," kata-

nya.

Halijah berkata, dia amat berharap padi yang ditanam pada musim ini menjadi dan memberi pulangan seperti yang diharapkan.

"Saya berterima kasih kepada Bernas atas sumbangan ini kerana sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban ditanggung," katanya.

Seorang lagi penerima sumbangan, Salasiah Idris, 37, berkata, dia juga terharu dengan sumbangan yang diterima daripada Bernas itu.

"Melalui bantuan makanan, keperluan sekolah anak-anak dan sedikit wang tunai sudah banyak membantu meringankan beban keluarga," katanya.

Sebagai seorang suri rumah, katanya, dia bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suaminya, Basri Ismail, 42, yang bekerja kam-pung.

"Namun pendapatan suami saya tidak seberapa. Bantuan keperluan persekolahan daripada Bernas untuk kegunaan dua anak saya amat memberi kelegaan kepada saya dan suami," katanya.

Bantuan Bernas yang amat bermakna

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

ulsannews@mediamulla.com.my

ROMPIN: Serangan padi angin dan penyakit musim lalu membuatkan seorang pesawah Halijah Dahlan, 61, mengalami kerugian besar apabila hasil tuaiannya merosot kepada hanya 1.8 metrik tan bagi keluasan 2.4 hektar sawahnya.

Dalam memulakan penanaman di musim baharu, Halijah yang mengusahakan 3.6 hektar sawah terpaksa menggunakan kesemua wang simpanan, malah terpaksa menggadai barang kemasnya untuk dijadikan modal.

Semalam, kehadiran Padib-eras Nasional Berhad (Bernas) yang menghulurkan sumbangan barangan keperluan dan wang tunai memberikan keceriaan kepada ibu tunggal berkenaan.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Bahagian Komunikasi Korporat Bernas, Rosniza Baharum dan Eksekutif Operasi Kilang Bernas Rompin, Norsallehudin Adnan.

Halijah berkata, sumbangan yang diberikan itu amat bermakna sekali dalam membantu meringankan bebannya yang



ROSNIZA BAHARUM (dua, kiri) diiringi Norsallehudin Adnan (dua, kanan) menyampaikan sumbangan barangan keperluan persekolahan kepada Salasiah Idris dan anaknya Norsalsabila Basri di Rompin Pahang, semalam.

kini turut menjaga ibunya yang terlanjar sakit.

"Sebagai warga emas, sumbangan ini memang sangat diperihukan memandangkan saya tidak ada gaji dan pendapatan harian. Jadi, saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih

kepada Bernas yang begitu prihatin kepada nasib pesawah," katanya ketika ditemui di Rumah Pemuliharaan Banjir (RPB) Simpang Sepayang di sini semalam.

Yang turut hadir, Eksekutif Operasi Kilang Bernas Rompin,

Norsallehudin Adnan dan Timbalan Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Bernas, Mohd. Zulhelmy Ismail.

Sementara itu, keceriaan turut terpancar di wajah seorang anak pesawah, Norsalsabila Sabri, 10, yang menerima ban-

tuhan dua pasang kelengkapan persekolahan daripada Bernas.

Ibu Norsalsabila, Salasiah Idris, 37, berkata, anak ketiganya yang akan memasuki darjah lima pada tahun hadapan itu gembira mendapat pakaian sekolah baharu selepas hanya menggunakan pakaian lama tahun lalu.

Rosniza berkata, sumbangan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Bernas itu melibatkan pemberian sumbangan keperluan persekolahan kepada 100 murid sekolah dan keperluan makanan kepada 100 keluarga asnaf di daerah ini.

"Diharap sumbangan ini sedikit sebanyak dapat memberi keceriaan kepada para pelajar dan menyuntik semangat mereka untuk kembali meneruskan sesi persekolahan pada tahun hadapan.

"Selain 100 keluarga asnaf dari Kampung Sarang Tjong, Kampung Sepayang, Merchong dan Pontian pula menerima sumbangan berupa pek makanan yang mengandungi barangan keperluan harian seperti beras, gula, tepung, minyak masak, biskut dan makanan dalam tin selain wang saku," ujarnya.

Kenal pasti dalang kartel seludup daging

KPDNHEP ada senarai nama pengimport salah guna logo halal

Oleh Murnaena
Muhammad Nasir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Peng-
guna (KPDNHEP) sudah me-
ngenal pasti dalang di se-
balik isu penyeludupan da-
ging import yang dipercayai
dikuasai kartel.

Timbalan Menteri KPD-
NHEP Datuk Rosol Wahid
berkata, pihaknya difaham-
kan sudah mempunyai se-
narai nama pengimport
yang menyalah gunakan lo-
go halal dalam pembungk-
san daging sejuk beku.

"Kartel yang terbabit da-

lam isu penyeludupan da-
ging import ini akan dibawa
ke mahkamah dan perbica-
raan akan dimulakan sece-
pat mungkin.

"Kami dinasihatkan oleh
Timbalan Pendakwa Raya
(TPR) untuk tidak mengu-
mumkan nama pengimport
supaya tidak mengganggu
siasatan.

"Sebaik saja ia dibawa ke
mahkamah pihak kami akan
menguar-uarkan meman-
dangkan ramai di kalangan
rakyat yang masih bimbang
dan curiga apabila membeli
daging di pasaran," kata-
nya.

Beliau ditemui ketika tin-
jauan Skim Harga Maksi-
mum Musim Perayaan
(SHMMP) dan lawatan Kem-

pen Beli Barangan Malaysia
(KBBM) di Publika, Jalan Du-
tamas 1, di sini, semalam.

Menurutnya, pengguna ti-
dak perlu lagi bimbang de-
ngan daging sejuk beku yang
berada di pasaran.

"Semua daging sejuk beku
yang terlibat sudah diasing-
kan dan disita.

"Kami ingin meyakinkan
semua daging di luar sana
adalah sah mengikut un-
dang-undang," katanya.

Menurutnya, susulan isu
penyeludupan daging im-
port yang menyalah guna-
kan logo halal itu, pihaknya
sudah menjalankan 29 pe-
meriksaan di peringkat bo-
rong dan 170 di peringkat
runcit seluruh negara.

"Terima kasih diucapkan

kepada semua agensi terba-
bit terutama Kementerian
Pertanian dan Industri Ma-
kanan (Mafi) dan Jabatan
Kastam Diraja Malaysia
(JKDM) yang sama-sama
terbabit dalam menangani
isu ini.

"KPDNHEP sentiasa me-
ngambil perhatian dan kami
akan memastikan pihak
yang terbabit akan diken-
kan tindakan sewajarnya,"
katanya.

Mengulas mengenai kegi-
atan kartel daging yang
memberi rasuah terhadap
pegawai kerajaan bagi mem-
bolehkan daging tidak halal
dibawa masuk ke negara ini
sejak 40 tahun lalu, Rosol
berkata perkara itu masih
lagi dalam siasatan.

Headline	KPDNHEP tracks down illegal meat cartel ensures meat in market safe		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	23 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	3	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	527 cm ²
Journalist	AFIQ AZIZ	AdValue	RM 5,534
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,601



KPDNHEP tracks down illegal meat cartel, ensures meat in market safe

The ministry has conducted nearly 30 inspections at the wholesale level and 130 retailers and contained the outflow to consumers

by AFIQ AZIZ

THE government has identified the supply chain of suspected cartels in the smuggling and distributing of non-certified meat into the country.

The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) has conducted nearly 30 inspections at the wholesale level and 130 retailers, and contained the products from reaching end-consumers.

However, KPDNHEP Deputy Minister Datuk Rosol Wahid has been advised by the deputy public prosecutor to keep mum on the details, as the case will be heard in court soon.

He was responding to a series of news reports since early this month about a syndicate, which had been bribing government officers for decades to bring in uncertified meat.

This has caused panic among the public, whose concerns were of whether meat products in the market are safe.

"Do not worry about this issue. We guarantee you that we are monitoring this closely with aggressive enforcement.

"So far, we have done 29 inspections at wholesale premises and 130 retailers. We are working with the Ministry of Agriculture and Food Industry, the Customs Department and the traders themselves.

"We have traced them and know who was involved. We will reveal the name of the company when the prosecution process begins but for now, we do not want to disrupt the



Rosol (centre) during one of the inspections at the wholesale and retailer level in conjunction with the Christmas Maximum Price Scheme at a supermarket yesterday. The minister assures the public not to worry as it is monitoring this issue closely with aggressive enforcement

investigation," he told the press after launching the implementation of the Maximum Price Scheme for Christmas 2020 and the Buy Malaysian Goods Campaign in Kuala Lumpur yesterday.

On Dec 1, in a joint operation, authorities crippled a "meat cartel" that smuggled uncertified frozen meat from Argentina, Brazil, Ukraine and China.

A total of 1,500 tonnes of frozen meat with an estimated value of RM30 million were seized during the raid at a warehouse in Senai Industrial Park, Johor.

The products were said to have been smuggled through Johor's main seaports, while the warehouse was believed to be where the smugglers generated fake labels and stamps, which would then be used on the repackaged meat products and sold nationwide.

Authorities said the cartel had been active for years and to avoid detection, they allegedly falsified import documents, permits and halal certificates, besides importing products from legitimate sources and mixing it with their stock.

Yesterday, it was reported that the Johor Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has opened investigation papers in connection with the smuggling of the imported meat.

"We urge those with information to come forward and assist in our probe," said Johor MACC director Datuk Azmi Alias.

It was also revealed that besides beef, the cartel also brought in horse and kangaroo meats, claiming that the activities have been ongoing for the past 40 years, involving multiple layers of government officers taking bribes to

ensure that the product passed government checks.

Rosol, however, said this revelation was exaggerated.

"On the smuggled kangaroo and horse meat, we will look into it. So far, we do not have information on that," he added.

Meanwhile, Rosol announced the enforcement of the Festive Season Maximum Price Control Scheme for Christmas 2020.

Through the 10-day scheme, 19 items will be placed under the controlled item basket, including eggs, chicken, vegetables and pork (for Sabah, Sarawak and Labuan).

Individuals who sell controlled items exceeding the maximum price can be fined up to RM100,000, or imprisoned not exceeding three years, or both. Companies can be compounded up to RM250,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	27

Maqis rampas 175kg limau

ALOR SETAR - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 175 kilogram (kg) limau yang cuba dibawa masuk tanpa permit di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, di sini pada Isnin.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind berkata, pihaknya menahan sebuah lori dari Thailand dan melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan kira-kira jam 6.15 petang.

"Melalui pemeriksaan, kita mendapati 175 kilogram (kg) limau cuba dibawa masuk oleh kenderaan berkenaan tanpa permit yang sah.

"Susulan itu, Maqis Kedah merampas limau yang dianggarkan bernilai RM350 untuk tindakan lanjut disebabkan tiada permit import

sah," katanya pada Selasa.

Katanya, kegagalan mengemukakan permit import sah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 72)].

Menurutnya, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100 000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Katanya, Maqis sentiasa mengambil langkah serius dalam isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.

Jelasnya, penguatkuasaan akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan keselamatan makanan terpelihara.



Anggota Maqis Kedah memeriksa sebuah lori yang membawa limau tanpa permit di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam pada Isnin.

Maqis rampas 175 kg limau dari Thailand

BUKIT KAYU HITAM – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah berjaya mematahkan cubaan membawa masuk 175 kilogram (kg) limau dari Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini kelmarin.

Rampasan dilakukan hasil pemeriksaan rutin ke atas sebuah lori dari Thailand kira-kira pukul 6.15 petang.

Pengarahnya, Lily Rosalind Paul berkata, pemeriksaan ke atas lori itu mendapati bekalan limau tersebut yang dianggarkan bernilai RM350 tidak mempunyai permit import sah dikeluarkan Maqis.

"Kita merampas dagangan

itu untuk tindakan lanjut," katanya di sini semalam.

Bellau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport keluaran pertanian tanpa permit.

"Kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," ujar beliau.

Lily berkata, pihaknya sentiasa mengambil langkah serius dalam isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.



SEBUAH lori membawa 175 kg limau dari Thailand yang ditahan Maqis di ICQS Bukit Kayu Hitam kelmarin.

Dalang kartel daging didedah tak lama lagi

KPDNHEP nafi kartel daging halal palsu wujud sejak 40 tahun lalu

KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menafikan kegiatan kartel daging halal palsu telah wujud di negara ini sejak 40 tahun lalu.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, laporan yang mengatakan kewujudan kartel itu sudah lama di negara ini menyebabkan rakyat takut telah diperbesar.

"Tidak sampai berlarutan sehingga 40 tahun tetapi kita akan ambil tindakan dan tidak pernah berkompromi selama ini," katanya di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Perayaan Krismas 2020 serta Kempen Membeli Barangan Malaysia di sini.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, dalang utama kartel yang membungkus semula



Rosol (tengah) meninjau barangan dapur yang dijual kotika melakukan tinjauan pematuan harga Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2020 di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur pada Selasa.

daging import dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia di sebuah gudang di Senai, Johor akan didedahkan dalam waktu terdekat.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya dinasihatkan oleh Timbalan Pendakwa Raya supaya tidak mendedahkan perkara tersebut sehingga pendakwaan selesai.

"Kita beri jaminan, jangan bimbang tentang isu ini. Kita telah membuat pemantauan dan terus memantau dengan agresif sekali.

"Setakat ini, kita telah buat sebanyak 29 pemeriksaan di premis borong serta 130 peruncit. Kita bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan In-

dustri Makanan, kastam dan juga peniaga-peniaga itu sendiri.

"Ramai yang curiga, kita ambil perhatian mereka yang terlibat ini dan dalam masa terdekat selepas pendakwaan kita akan dedahkan nama syarikat itu kepada umum. Kita tidak mahu ganggu siasatan ketika ini," katanya.

Sinar Harian pada awal bulan ini mendedahkan kegiatan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula dengan label serta cap palsu dan menjualnya dalam pasaran negara ini.

Perkara itu dibongkarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuaran dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang mengenal pasti tiga jenama popular produk daging sejuk beku keluaran Australia yang diproses di sebuah kilang sejuk beku.



Laporan *Sinar Harian* pada 2 Disember lalu.

"Saya tunggu maklumat tepat isu kartel daging"

KUALA LUMPUR - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri akan mengeluarkan kenyataan mengenai isu kartel daging pada Rabu.

Beliau berkata, kini pihaknya sedang mendapatkan maklumat berkaitan dengan lebih tepat.

"Hari ini (Selasa) saya akan dapatkan maklumat berkaitan. Saya perlukan maklumat yang tepat mengenai masalah ini. Kita tidak perlu terburu-buru menyebarkannya, tetapi (lebih penting), mengatasi masalah ini dengan fakta.

"Saya akan mengeluarkan kenyataan ber-

tulis atau lisan mengenai perkara ini Insya-ALLAH," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Selasa.

Beliau mengulas mengenai tindakan lanjut susulan laporan kartel yang mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah termasuk diragui status halalanya.

Pada masa sama, beliau berkata, pihaknya sentiasa bersedia bekerjasama dengan agensi lain bagi proses siasatan.

Beliau juga turut menasihati orang ramai supaya tidak menyebarkan berita yang belum disahkan untuk mengelakkan kekeliruan.

Isu kartel daging import

Guna pelabuhan negara jiran transit bekalan

Pergerakan
secara terancang
dipercayai
turut babitkan
pelbagai pihak

Oleh Suzalina Halid
dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kartel yang menyeludup masuk daging import yang diragui status halalnya ke Malaysia dipercayai menggunakan negara jiran sebagai transit sebelum ia dibawa masuk secara terancang.

Selepas segala 'urusan' diselesaikan, terutama mendapatkan lori untuk membawa kontena terbabit ke negara ini, daging import itu dibawa masuk dengan mengisytiharkan kontena berkenaan kosong ketika pemeriksaan di sempadan.

Sumber berkata, apabila mendapat 'lampu hijau' daripada penguat kuasa, daging itu dimasukkan ke dalam kontena yang diisytiharkan kosong di sempadan kedua-dua negara, sebelum ia diedar ke pasaran tempatan.

Katanya, pergerakan dilakukan secara terancang dan diper-



Keratan akhbar BH Isnin lalu.

cayai turut membabitkan pelbagai pihak, termasuk pegawai awam di sempadan kedua-dua negara yang dipercayai mendapat banyak keuntungan.

Sumber mendedahkan, lori kontena itu adalah dari Malaysia yang masuk ke negara jiran untuk penghantaran pelbagai jenis barangan lain.

"Apabila keluar dari negara jiran, kartel penyeludupan menggunakan kontena berkenaan untuk membawa masuk daging itu ke Malaysia.

"Apabila sudah mendapat lam-

pu hijau daripada pihak tertentu, ia akan segera dibawa masuk.

"Kontena terbabit diisytiharkan kosong dan tidak ada sesiapa yang mengesyaki berlaku penyeludupan.

"Di kawasan pemeriksaan dekat sempadan, mereka mengisytiharkan kontena itu kosong dan tiada sesiapa mengesyaki penyeludupan berlaku, lebih-lebih lagi ada orang dalam terbabit aktiviti itu," katanya.

Sumber berkata, kebanyakan daging yang dibawa masuk ke negara ini dari negara Amerika

Selatan dan biasanya jenis *offal* seperti organ dalaman haiwan iaitu hati, paru-paru dan perut.

"Namun, bahagian paling popular diseludup masuk adalah ekor lembu memandangkan ia mendapat permintaan tinggi di negara ini.

"Masyarakat di benua Amerika dan Eropah biasanya tidak menggemari daging jenis *offal*, namun ia menjadi hidangan digemari di Asia khususnya di Malaysia dan Indonesia. Ini menjadi punca daging itu dibawa masuk ke negara ini," katanya.

BH sejak Isnin lalu mendedahkan pembabitkan kartel yang membawa masuk daging import diragui status halalnya untuk pasaran tempatan.

Kartel itu dipercayai turut menggunakan khidmat penjawat awam bagi memudahkan kerja penyeludupan.

Berikutan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan berhubung isu berkenaan.

Kertas siasatan yang dibuka SPRM Johor mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan siasatan akan memberi fokus kepada isu pemalsuan borang kastam 1, iaitu membabitkan pengisytiharan barangan import serta amalan rasuah dalam kalangan agensi yang bertanggungjawab.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

PDRM sahkan seludup daging sejuk beku berleluasa di sempadan

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan kegiatan penyeludupan daging sejuk beku ke negara ini di beberapa negeri yang bersempadan dengan negara jiran.

Tanpa mendedahkan perinciannya, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Abd Rahim Jaafar, berkata antara negeri terbabit adalah Sarawak dan Kelantan.

Katanya, isu berkenaan bukan baharu dan polis sentiasa memantau dan pernah melakukan tangkapan.

"Ya, kegiatan itu berlaku. Penyeludupan daging sejuk beku berleluasa di kawasan sempadan, malah polis pernah melakukan tangkapan dan rampasan," katanya.

Semalam, media melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuka kertas siasatan berhubung kegiatan penyeludupan daging sejuk beku yang diragui status halalnya ke negara ini.

SPRM dilaporkan menyiasat kes itu mengikut Seksyen 16 dan 18 Akta SPRM 2009.

Pada 4 Disember lalu, pihak berkuasa menyerbu sebuah gudang simpanan daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai, Johor Bahru berhubung kegiatan itu berikutan intipan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

BERNAMA



Ya, kegiatan itu berlaku.

Penyeludupan daging sejuk beku berleluasa di kawasan sempadan, malah polis pernah melakukan tangkapan dan rampasan.

*Abd Rahim Jaafar,
Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman
Awam Bukit Aman*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pegaga sumber rezeki besarkan empat anak

OKH NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamula.com

ARAU: Pegaga atau *Centella asiatica* merupakan herba menjalar yang tumbuh di kawasan lembap dan redup serta banyak ditemukan di sekitar kawasan kampung.

Walaupun sesetengah orang menganggap herba itu hanya ulam untuk menu orang kampung, namun pegaga yang dipercayai mempunyai khasiat awet muda dalam kalangan masyarakat Melayu menjadi punca pendapatan kepada Johari Din, 60, sejak 23 tahun lalu.

Johari yang mengusahakan kebun pegaga secara komersial di Kampung Kok Klang, Mata Ayer di sini berkata, kebun pegaga itu diusahakan bermula daripada bapanya dan kini turun kepada anak-anaknya.

Katanya, hasil jualan pegaga yang diusahakan di kawasan seluas 0.57 hektar itu menjadi punca pendapatan utamanya dalam membesarkan keempat-empat anaknya.

Jelasnya, tanaman herba itu amat mudah ditanam serta dijaga berbanding tanaman sayuran lain.

"Penjagaan pegaga ini tidak susah. Mula dengan buat batas, dua minggu kemudian kita tanam anak pokok. Selepas itu, letak baja sebanyak dua kali iaitu



JOHARI Din menunjukkan hasil tuai pegaga yang dipercayai mempunyai khasiat awet muda di keluarganya di Kampung Kok Klang, Mata Ayer, Perlis. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

selepas tiga minggu sebelum dituai pada setiap tiga bulan.

"Kunci utama adalah perlu rajin menyiram dan cabut rumput. Kalau tidak dicabut, nanti rumput pula akan tumbuh dengan banyak mengagabkan pegaga," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, anak perempuannya yang turut membantu dari segi promosi dan pemasaran, Subafiza Johari, 33, berkata, kebun keluarganya mampu mengeluarkan hasil hingga 20 tan setahun iaitu empat hingga lima tan setiap tiga bulan.

"Selain menjual pegaga kepada peniaga pasar tani, sebahagian besar hasil tanaman tersebut dipasarkan kepada sebuah syarikat pengeluaran barangan herba terkenal di negeri ini untuk dijadikan produk seperti kordial dan teh pegaga," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Banjir, haiwan liar ancam penanam pisang

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**
utusannews@mediamulia.com.my

PONTIAN: Walaupun memberikan pendapatan lumayan, namun industri tanaman pisang sering berhadapan pelbagai masalah seperti ancaman haiwan liar dan kejadian banjir yang membelenggu para petani.

Seorang petani, Abd. Rashid Hamzah, 52, berkata, dia pernah mengalami masalah apabila 1,200 pokok pisang berangan yang baru sahaja ditanamnya mati setelah kebunnya dilanda banjir sebelum ini.

Katanya, walaupun sedih dan

kecewa namun untuk menyara pendapatan keluarga, dia menguatkan semangat meneruskan usaha itu di atas tanah seluas dua ekar yang terletak di Kampung Parit Seraya, Benut.

"Dalam bertani, tiada erti menyerah kalah kerana semua pekerjaan berhadapan risiko seperti kerugian dan terpulang bagaimana untuk kita mengatasi masalah tersebut.

"Sebelum menceburi bidang ini, saya merupakan subkontraktor kepada sebuah syarikat yang juga kadangkala ketiadaan kerja yang ditawarkan. Jadi saya dah lali dengan masalah ini," katanya

ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Abd. Rashid, walaupun pendapatan pekerjaan lama itu agak lumayan tetapi ketiadaan tawaran kerja bagi tempoh lama menyebabkannya mengambil keputusan bertukar kepada bidang pertanian.

"Setakat ini saya menanam pisang jenis berangan dan rastali di atas tanah seluas enam ekar yang dipajak daripada individu dan tempoh pajakan antara tiga hingga empat tahun," jelasnya.

Setakat ini dia belum bercadang menukar kepada tanaman lain kerana mahu memfokuskan kepada tanaman pisang tersebut,



ABD. Rashid Hamzah melihat pisang rastali di kebunnya terletak di Kampung Parit Seraya, Benut, di Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Pengusaha serai rugi RM15,000 akibat banjir

KEMAMAN – Seorang pengusaha serai kerugian hampir RM15,000 selepas lebih 100 perdu tumbuhan herba yang ditanamnya itu musnah dalam banjir yang baru surut sepehunya semalam.

Marinah Muhammad, 55, berkata, kesemua pokok serai yang ditanam di laman rumahnya ditenggelami air sedalam kira-kira 0.8 meter pada Sabtu lalu.

"Pokok serai yang kesemuanya ada lebih 100 perdu sudah boleh dituai dengan sebahagiannya pula telah ditempah pengusaha restoran di sekitar daerah ini.

"Namun, bukan rezeki apabila semua pokok serai itu mati akibat terendam dalam

air," katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Mentok di sini semalam.

Marinah berkata, dia mula mengusahakan tanaman serai untuk membantu suami yang juga seorang nelayan bagi menambah pendapatan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu.

"Biasanya saya menjual secara borong pada harga RM15 bagi 100 batang serai. Setiap perdu serai yang saya tanam biasanya mempunyai antara 80 hingga 100 batang dan boleh dituai selepas tiga bulan ditanam.

"Sedih apabila serai yang hanya menunggu masa untuk dituai musnah, tetapi saya tidak akan putus asa untuk terus bertani," katanya.



MARINAH menunjukkan serai yang musnah akibat banjir di Kampung Bukit Mentok, Kemaman semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



ABDUL Razak Khasbullah (kiri) dan Norhashim Kamisan bersama sijil kemenangan beliau sebagai ikon Agro Selangor 2020 kategori tanaman fertigasi di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang Jalan Waja Teluk Panglima Garang, Selangor baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

Teknologi cili fertigasi e-satelit jana pendapatan berganda

KUALA LANGAT: Masyarakat yang berdepan dengan masalah kewangan akibat pandemik Covid-19 digalakkan menceburi bidang penanaman cili fertigasi menggunakan teknologi e-satelit yang menawarkan pulangan menguntungkan.

Teknologi e-satelit atau elektronik satelit menggunakan kaedah kawalan jauh untuk mengurus ladang.

Pengerusi Persatuan Peladang Kebangsaan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah berkata, pihaknya sedia membantu petani dan peladang baharu bukan sahaja dalam aspek teknologi penanaman malahan dalam aspek pemasaran cili.

Abdul Razak berkata, seramai 100 peserta yang menghadapi masalah diberhentikan kerja kesan ekonomi akibat Covid-19 telah menyertai program penanaman cili fertigasi teknologi e-satelit.

"Jika hendak dibandingkan, pulangan atau keuntungan tana-

man cili fertigasi secara e-satelit berbanding kaedah penanaman tradisional keuntungannya adalah melebihi sebanyak 30 peratus.

"Untuk satu hektar, kos permulaan bagi 3,000 polibeg iaitu kira-kira RM30,000.

"Anak-anak pokok cili dengan penggunaan teknologi e-satelit melibatkan peralatan canggih. Hasil tuaian pertama perolehan adalah sekitar RM1,500 hingga RM2,000," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang di Teluk Panglima Garang baru-baru ini.

Sementara itu, Ikon Agro Selangor 2020 kategori tanaman, Norhashim Kamisan berkata, dia bersedia berkongsi pengalaman selama 14 tahun dalam bidang penanaman cili fertigasi dengan golongan terkesan akibat pandemik Covid-19 tersebut.

Justeru Norhashim mengajak golongan ini untuk menjadi usahawan tani dengan menanam cili merah yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi ketika

23/12/2020

NST

NEWS/

6

STORY OF THE
DAY

TEMPORARY MOVE

KL TRADERS GROUP 'WON'T SELL BEEF'

Association with
6,000 members opts
to do so after exposé
of cartel importing
non-certified meat

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A MAJOR traders association is mobilising its members to temporarily halt the sale of beef-based products following reports that a cartel had been importing non-certified meat and passing it off as halal products to Malaysian suppliers.

The Kuala Lumpur Bumiputera Traders and Hawkers Association, which has a 6,000-strong membership, said the move was necessary in the wake of doubts over the halal status of frozen beef in the market.

Its president, Datuk Seri Rosli Sulaiman, said the association was instead urging them to shift to fish and chicken-based food items for the time being.

"This was our advice to the hawkers. We have asked them to stop promoting beef-based dishes, especially those involving imported frozen beef."

"We have other options available such as chicken and fish which we can eat without any hesitation about their halal status. So they should sell that more," he told the *New Straits Times* yesterday.


He said following news reports which had raised questions over the halal status of beef products currently in the market, the association had been beset by queries from the public.

"We've received feedback from association members who said customers have begun asking about the authenticity of the halal status of the beef products used."

"These are association members who operate food businesses in restaurants and hawkers centres and as such deal with a large volume of customers."

"Given the current situation, we feel that it is best if we stop selling beef-based products for the moment," he said.

Rosli said the Department of Islamic Development Malaysia should step up and issue a clar-



A butcher arranging his range of local and imported beef at a wet market in a major city yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

ification on the issue.

"As the agency responsible for halal certification, they have to explain the matter, more so given that the problem is apparently a longstanding one," he said.

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said it was imperative that restaurant owners check the source of the meat from their suppliers.

"They must check if the meat is sourced from Muslim countries or is halal-certified."

"This is no joke, we cannot take this lightly. For Muslims, con-

suming non-halal meat is similar to drinking alcohol," he said.

He said the oust was on restaurant owners to ensure that the meat they serve is certified halal by the authorities so that their customers can enjoy the food without any doubt.

The NST had on Monday reported how officers in at least four government agencies were bribed by the meat cartel to ensure that its supply of non-certified meat entered the country and bypassed checks.

A source told the NST that by importing non-certified meat and mixing it with meat from le-

gitimate sources, the cartel profited from avoiding taxes and duties as well as the costs involved in the halal-certification process.

The report stated that the cartel's activities had been going on for 40 years.

In a subsequent report, a source revealed that the frozen meat imported by the cartel from non-certified countries was not limited to beef, but also included horse and kangaroo meat.

The meat would then be mixed in warehouses nationwide run by the cartel before being sold to unsuspecting suppliers.

Dron boleh popular macam FB

**SARFARIZMAL
MD. SAAD**



KALAU terlambat, pasti kita akan tertinggal. Begitu juga dengan perkembangan teknologi zaman berzaman yang berubah dengan begitu pesat dan laju.

Sekiranya tiada pandemik Covid-19 pada 2020 ini, sudah pasti Revolusi Industri (IR) 4.0 akan menjadi 'pandemik' dalam media cetak, elektronik, program-program kerajaan dan swasta serta cakap-cakap di kedai kopi.

Pelaksanaannya? Tidak boleh jamin pelaksanaan penggunaan teknologi yang seiring IR 4.0 mampu diasimilasi dalam kehidupan seharian komuniti kita setiap hari.

Namun, usaha tetap ada dan pasti akan berterusan dalam memastikan komuniti di sekeliling kita menggunakan teknologi yang selari dengan IR 4.0 dalam sektor pekerjaan khususnya.

Menyentuh soal pekerjaan, antara bidang paling dilihat terkebelakang atau bercirikan tradisional adalah pertanian. Justeru, mampukah bidang pertanian merebut peluang yang disajikan dalam kemajuan IR 4.0 ini untuk memperkukuhkan lagi produktiviti?

Jika anda terus bersifat skeptikal dengan bidang pertanian yang dianggap kuno dan tidak mampu menepati ciri-ciri IR 4.0, temyata anda membuat kesilapan cukup besar dan kolot.

UAV

Masih ramai yang tidak tahu, bidang pertanian juga sudah melepasi evolusi dan transformasi tersendiri dalam memaksimumkan penggunaan teknologi pada produk pertanian.

Salah satunya adalah penggunaan dron atau pesawat tanpa pemandu (UAV) dalam industri penanaman padi bagi menggantikan kaedah penyemburan racun serangga secara manual yang diamalkan oleh datuk nenek



YAP Chee Hian mengendalikan dron untuk kerja-kerja menyembur racun di kawasan sawah padi di Kampung Kuala Sanglang, Alor Setar, Kedah, baru-baru ini - UTUSAN/MOHD. ZAID MOHD. NOOR

kita suatu ketika dahulu.

Sebenarnya, jangan kita tidak percaya, kaedah ini sudah semakin popular dalam komuniti yang meminatinya. Penggunaan dron ini bukan sahaja mampu mengurangkan kebergantungan tenaga kerja, malah membantu petani menjimatkan kos dan masa.

Lebih menarik lagi, jika sebelum ini pekerjaan berunsur alam atau pertanian amat jarang menarik minat anak muda untuk menceburinya, namun dengan adanya penggunaan dron ini, ia sedikit sebanyak dapat menarik minat mereka yang masih muda untuk menjadi petani moden zaman IR 4.0.

Dengan jumlah kadar pengangguran negara pada suku kedua 2020 sebanyak 4.7 peratus menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), siapa sangka penggunaan dron dalam bidang pertanian dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan anak muda.

Cumanya, mereka wajar diberi latihan yang cukup dalam mengendalikan dron



Daripada anak-anak muda ini menjadikan dron sebagai alat menangkap gambar atau video, tidakkah elok sekiranya mereka memperluaskan lagi fungsi dan kerja mereka ke bidang pertanian?"

dan mengurus pertanian agar dapat mematuhi spesifikasi standard yang telah ditetapkan selama ini.

CAMERAMAN

Daripada anak-anak muda ini menjadikan dron sebagai alat menangkap gambar atau video, tidakkah elok sekiranya mereka memperluaskan lagi

fungsi dan kerja mereka ke bidang pertanian?

Begitu juga para penggiat industri fileman yang sudah mula menggunakan teknologi dron dalam pembikinan filem atau drama. Kenapa pula kita banyak alasan atau takut untuk mengubah fungsi dron itu daripada menjadi *cameraman* kepada petani, penternak dan nelayan? Terasa seperti idea gila, tetapi tidak mustahil sebenarnya.

Sebelum itu, benarkah penggunaan dron dalam pertanian khususnya penanaman padi banyak manfaat?

Jawapannya sudah pasti ya! Ia bukan sahaja dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja dan menjimatkan masa, malah teknologi dron untuk penggunaan input pertanian dalam jangka masa panjang.

Sebagai contoh, penggunaan dron untuk menyembur racun bagi keluasan satu hektar kawasan tanaman padi hanya memerlukan masa sekitar 20 minit berbanding kaedah

manual, iaitu lebih sejam bagi keluasan sama. Tidakkah ini cukup berbaloi?

Dari segi kos pula, untuk keluasan satu hektar kos penggunaan dron dianggarkan antara RM60 hingga RM70, berbanding membayar upah tenaga kerja iaitu kira-kira RM120 bagi keluasan sama dan memerlukan masa yang lebih lama.

PAK GUARD

Penanaman anak benih, penaburan baja dan racun serangga dan bermacam lagi manfaat tambahan dapat diperolehi oleh pengusaha pertanian sekiranya mereka bertukar daripada cara lama kepada cara baharu menerusi teknologi IR 4.0.

Yang lebih seronoknya, ia bukan sahaja terhad untuk penggunaan penanaman padi, malah apa jua jenis tanaman renek dan bersesuaian boleh menggunakan 'serangga kecil' ini untuk berbakti. Nak dijadikan dron sebagai pak guard pun tidak mustahil suatu hari nanti.

Malangnya, di negara kita yang kononnya mencapai negara berstatus maju pada 2020 ini, masih banyak pihak yang sangsi dan berasa tidak yakin dengan penggunaan dron untuk bidang pertanian.

Seandainya mereka menerima kehadiran dron dalam kehidupan sekalipun, mereka masih menganggap dron itu hanya sekadar mainan hobi untuk mengisi masa lapang.

Kita harus ingat, pada sekitar 2007 dahulu pun, laman Facebook turut dianggap sebagai salah satu medium untuk mengisi masa lapang dan bersifat 'kebudak-budakan'. Namun, lihatlah sendiri revolusi yang dicipta Facebook sehingga ke hari ini, bukan sahaja mampu mencipta jutawan, malah di setiap agensi kerajaan pun 'wajib' mewujudkan paling tidak satu akaun Facebook.

Siapa cepat dia dapat, jadi penggunaan dron pada hari ini sebagai salah satu kaedah membantu mengurangkan kos dan penggunaan tenaga kerja manusia untuk bidang kerja anda.

PENULIS ialah Timbalan Ketua Lajnah, Pertubuhan Ikatan Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia (Islam), Cawangan Putrajaya